

16 JUL 2002

P/Raya-Siam

MASYARAKAT SIAM BERI SOKONGAN PENUH KEPADA BN

Oleh: Abdul Halim Taib

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) dijangka memperolehi undi daripada kesemua 2,800 pemilih berdaftar keturunan Siam di kawasan Parlimen Pendang pada pilihan raya kecil kawasan itu Khamis ini.

Presiden Persatuan Siam Malaysia Datuk Charern Intacat melahirkan keyakinan ini berdasarkan respons pengundi Siam di kawasan itu terhadap kempen yang dijalankan jentera pilihan raya BN.

Katanya sokongan masyarakat keturunan Siam kepada BN bukan baru kerana selama inipun mereka sedar bahawa BN merupakan satu-satunya parti yang dapat membela nasib mereka dan generasi mereka yang akan datang.

Sehingga ini, semua masalah termasuk masalah kecil yang bersifat tempatan seperti jalan-jalan kampung, sijil pemilikan tanah dan bantuan kepada wat telah selesai, katanya ketika dihubungi di Jitra hari ini.

Baru-baru ini Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain telah menyalurkan bantuan sebanyak RM300,000 kepada Wat Kampung Titi Akar bagi tujuan menyiapkan Sekolah Bahasa Siam yang dalam proses pembinaan.

Pada majlis itu, Pengerusi Penyelaras Masyarakat Siam Pendang Edin Chok Edin Proot memberi jaminan bahawa seluruh masyarakat Siam di kawasan berkenaan memberi sokongan kepada BN memandangkan ia merupakan parti yang begitu prihatin kepada semua rakyat termasuk masyarakat Siam.

Charern berkata sejak dua tiga hari lepas beberapa menteri yang melawat Pendang telah memberi jaminan kepada masyarakat Siam untuk menyelesaikan apa-apa perkara yang mungkin tidak selesai dari segi bantuan kerajaan pusat.

Katanya sebagai contoh, Kementerian Pembangunan Usahawan telah memberi jaminan untuk membantu masyarakat Siam dalam beberapa kemudahan seperti pinjaman dari Mara dan kemasukan lebih ramai masyarakat Siam ke Maktab Rendah Sains Mara memandangkan mereka dianggap Bumiputera.

Berdasarkan janji dan jaminan itu, masyarakat Siam akan terus memberi sokongan kepada BN sebagai mengenang jasa dan budi yang diberikan kepada mereka.

Charern berkata satu fakta lagi yang tidak dapat dipertikaikan ialah semua masyarakat Siam sayang kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan sebagai membalas jasa Perdana Menteri, mereka sudah pasti mengundi BN.

Beliau berkata apa yang lebih menarik majoriti daripada 2,800 pengundi Siam di Pendang adalah anggota Umno dan kini terdapat lapan cawangan Umno dari keturunan Siam di kawasan Pendang.

Daripada kira-kira 60,000 penduduk Siam di Malaysia, separuh daripadanya menetap di Kedah dengan 6,000 tinggal di kawasan Pendang. Kebanyakan mereka adalah pesawah padi dan penoreh getah seperti kebanyakan orang Melayu di kawasan itu.

Anggota jawatankuasa Persatuan Malaysia-Thai, Boon Som Inong ketika ditemui berkata sejak dahulu lagi masyarakat Siam adalah penyokong kuat BN.

Beliau berkata ini kerana mereka sedar bahawa BN satu-satunya parti yang adil dan memberi kebebasan beragama dan mengamalkan kebudayaan mengikut kaum masing-masing.

Walaupun Malaysia merupakan negara Islam, kerajaan bersikap liberal terhadap semua kaum untuk mengamalkan cara hidup mereka, katanya.

Boon berkata masyarakat Siam di negara ini berpegang kepada falsafah hidup "Katan Yu Katakwethi" iaitu mengenang jasa dan membalas budi orang yang berjasa kepada mereka.

Sementara itu, Prof Madya Dr Proom Promwichit, ahli sains nuklear dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata masyarakat Siam di Pendang

memang penyokong kuat BN dan keadaan ini berterusan sampai sekarang.

Beliau berkata pada pilihan raya umum 1999, masyarakat Siam menyokong BN termasuk di kawasan Pendang.

Katanya masyarakat Siam seperti orang Melayu masih menghadapi masalah kemiskinan dan mereka memerlukan sebuah kerajaan yang baik seperti BN untuk terus memberi bantuan dan pembangunan yang berterusan.

Beliau percaya kerajaan BN akan memberi lebih banyak tempat kepada pelajar keturunan Siam di institut pengajian tinggi awam (IPTA).

Masyarakat Siam merupakan sembilan peratus daripada seluruh 53,128 pengundi di Pendang. Mereka tinggal di kampung-kampung seperti, Kampung Padang Pusing (kira-kira 400), Kampung Titi Akar (2,500), Kampung Paya Mak Inson (kira-kira 250), Kampung Padang Peliang (kira-kira 550), Kampung Cina (kira-kira 1,800) dan Kampung Tok Set dan Kampung Lampam (kira-kira 250 orang).

-- BERNAMA

HT ZS RON